

NO SOALAN : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 29.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah elaun khas
Warga Angkatan Tentera yang bertugas di barisan hadapan
dipertingkatkan kepada RM100 sehari akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Elaun khas warga Angkatan Tentera tiada dalam senarai Bayaran Insentif dan Elaun ATM. Walau bagaimanapun, kemungkinan elaun khas yang dimaksudkan adalah Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai. Insentif ini dibayar kepada semua anggota ATM yang bertugas di Kepulauan Sparty, Laut China Selatan iaitu Stesen LIMA, Stesen MIKE, Stesen UNIFORM, Stesen PAPA dan Stesen SIERRA, Pulau Jarak, Pulau Perak, serta pos-pos di bawah OP PASIR dan stesen-stesen baru yang dibuka oleh Kerajaan.

Bayaran ini telah pun dikaji semula dan dinaikkan kadarnya sebanyak 100% iaitu dari RM8 sehari ke RM16 sehari mulai 1 Januari 2015. Kajian semula akan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.

SOALAN (37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL MANAN
BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek yang sudah disiapkan dan sedang disiapkan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan setakat mana ECER kekal menjadi destinasi pelaburan terutama menarik perhatian tenaga kerja mahir serantau.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 127 projek/ program telah diluluskan untuk dilaksanakan di ECER sejak tahun 2008 (dalam tempoh 8 tahun) sebagaimana berikut:

- a. RMKe-9 : 67 projek
- b. RMKe-10 : 44 projek
- c. RMKe-11(RP1 - 2016) : 16 projek

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93 projek telah siap dilaksanakan dan 34 projek lagi berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Antara projek/ program yang telah siap dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Taman Biopolimer Kertih, Terengganu;
- b. Taman Automotif Pekan, Pahang;
- c. Pembangunan Pelancongan Warisan Pekan, Pahang;
- d. Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah, Pahang; dan
- e. Ladang Nanas Bersepadu Rompin, Pahang.

Manakala projek/ program yang sedang dalam pelaksanaan pula antaranya adalah seperti berikut:

- a. Peluasan Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- b. Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Pahang;
- c. Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- d. Taman Negeri Tasik Chini, Pahang;
- e. Ekopelancongan Endau Rompin, Pahang; dan
- f. Kuala Terengganu City Centre, Terengganu.

Sehingga akhir tahun 2016, ECER telah berjaya menarik pelaburan swasta berjumlah RM101 bilion (91.7%) berbanding sasaran 2020 (RM110 bilion). Di samping itu, 102,285 peluang pekerjaan baharu telah/ dijangka diwujudkan untuk rakyat di ECER di mana 69% daripadanya merupakan tenaga kerja mahir.

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir ini, ECER *Talent Enhancement Programme* (ETEP) telah dilaksanakan melalui jalinan kerjasama dengan beberapa syarikat seperti HICOM Automotive Manufactures (M) Sdn Bhd, Kaneka (M) Sdn Bhd., MGV Industries Sdn. Bhd., Highplus Engineering Sdn. Bhd., MBM Dagang Sdn. Bhd.,

Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd., BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. dan Terengganu Silica Consortium Sdn. Bhd. dan sebanyak 323 peserta yang terlibat dan bakal menjadi pekerja mahir di Wilayah ECER.

Sekian, terima kasih.

29 Mac 2017